

POTRET KEJAYAAN

Bercerita dengan menggunakan pelbagai ayat dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Arahan :-

1. Rujuk buku teks muka surat 183.
2. Padankan cerita bergambar di bawah dengan padanan ayat yang betul.
3. Kemudian salin karangan cerita di bawah di dalam buku penulisan kamu.
4. Rakamkan suara kamu untuk menyampaikan cerita dengan menggunakan pelbagai ayat dengan sebutan dan intonasi yang betul.



Berbekalkan semangat dan kesungguhan, beliau membuka sebuah studio mini. Perniagaan beliau semakin maju dan berkembang. Beliau berazam untuk mengembangkan perniagaannya ke tahap yang lebih tinggi.



Akhirnya, cita-cita Irfan tercapai. Kejayaan demi kejayaan berjaya dilakar. Kini, Encik Irfan bergelar usahawan kreatif dan berjaya setelah bermula sebagai pelukis potret.



Beliau bertekad untuk menjadi usahawan kreatif yang berjaya sebagaimana prinsip yang selalu dipegangnya, "alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan."



Irfan mengusahakan perniagaan melukis potret. Perniagaan beliau dijalankan secara kecil-kecilan. Irfan seorang yang gigih. Beliau berusaha tanpa mengenal putus asa. Beliau sentiasa berpegang kepada prinsip "di mana ada kemahuan, di situ ada jalan".